

21/10/1998

Estrada, Habibie cuba campur tangan

KUALA KRAI, Selasa - Malaysia menyifatkan kenyataan dua pemimpin negara jiran, Presiden Filipina, Joseph Estrada dan Presiden Indonesia, B J Habibie, berhubung isu Datuk Seri Anwar Ibrahim, sebagai percubaan campur tangan terhadap masalah dalaman negara ini.

Sehubungan itu, Menteri Luar, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menghubungi rakan sejawatannya di dua negara berkenaan bagi menyatakan rasa kurang senang Malaysia berhubung perkembangan itu.

Menurut Abdullah, beliau mengemukakan pendirian Malaysia itu kepada Menteri Luar Indonesia, Ali Alatas dan Setiausaha Luar Filipina, Domingo Siazon, baru-baru ini.

"Kedua-dua rakan sejawatan saya itu menyifatkan kenyataan pemimpin mereka bersifat peribadi dan tidak menggambarkan pendirian kerajaan kedua-dua negara secara keseluruhan.

"Saya juga menerima jaminan bahawa Filipina dan Indonesia akan terus berpegang kepada dasar Asean yang tidak mencampuri urusan serta hal ehwal dalaman negara anggota, termasuk dengan apa berlaku di Malaysia," katanya.

Abdullah menjelaskan demikian kepada pemberita selepas majlis penerangan isu semasa kepada ahli Umno di Sekolah Kebangsaan Kuala Krai, di sini malam tadi.

Beliau diminta mengulas laporan mengenai hasrat Estrada dan Habibie, yang mahu menulis surat kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bagi memohon agar Anwar dibebaskan daripada lokap dan diletakkan sebagai tahanan dalam rumah.

Kedua-dua pemimpin itu juga dilaporkan pernah menimbangkan untuk tidak menghadiri Sidang Kemuncak Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) di Kuala Lumpur, bulan depan. Bagaimanapun mereka kemudian bersetuju untuk hadir.

Sementara itu, Abdullah yang juga Naib Presiden Umno berkata, ahli parti perlu meletakkan kepentingan disiplin mengatasi segala-galanya dalam menangani pelbagai masalah semasa, termasuk soal kegawatan ekonomi dan politik.

Beliau berkata, aspek disiplin tidak boleh diketepikan dalam apa keadaan sekalipun dan itu seharusnya difahami oleh semua ahli.

(END)